

## Perhatian Pakar Kesihatan

### AMARAN

### Kemungkinan Ketidaktepatan Bacaan Glukosa Darah

Jun 18<sup>th</sup> 2024

Pakar Kesihatan yang dihormati,

Baxter Healthcare (Malaysia) Sdn. Bhd. ingin memaklumkan kepada anda mengenai **maklumat keselamatan penting** yang melibatkan pesakit yang sedang menggunakan larutan dialisis peritoneum **EXTRANEAL** (icodextrin ) dan yang mungkin memerlukan penggunaan alat pengukur dan jalur ujian glukosa darah.

**Pesakit yang sedang menggunakan larutan dialisis peritoneum EXTRANEAL (icodextrin ) mungkin menunjukkan keputusan glukosa darah yang tidak tepat semasa menggunakan alat pengukur dan jalur ujian glukosa darah tertentu.**

**HANYA gunakan alat pengukur dan jalur ujian yang spesifik untuk melakukan ujian glukosa. Kaedah ini lazimnya diamalkan di makmal klinikal. Sila hubungi pengeluar pengilang alat dan jalur ujian glukosa bagi menentukan kaedah yang perlu digunakan. Layari [www.glucosesafety.com](http://www.glucosesafety.com) untuk maklumat lanjut, termasuk senarai kesesuaian alat pengukur glukosa darah.**

Istilah “spesifik untuk glukosa” merujuk kepada alat pengukur atau jalur ujian yang tidak terjejas oleh kehadiran maltosa atau jenis-jenis gula tertentu. Oleh kerana larutan dialisis peritoneum **EXTRANEAL** (icodextrin) meningkatkan paras maltosa darah, hanya alat pengukur dan jalur ujian yang spesifik untuk glukosa sahaja harus digunakan.

**JANGAN gunakan monitor atau jalur ujian glukosa yang menggunakan kaedah glucose dehydrogenase pyrroloquinolinequinone (GDH-PQQ) atau glucose-dye-oxidoreductase. Selain itu, ada beberapa tetapi bukan semua alat pengukur atau jalur ujian yang menggunakan kaedah glucose dehydrogenase flavin-adenine dinucleotide (GDH-FAD) tidak boleh digunakan.** Kaedah-kaedah ini mungkin akan memberikan bacaan glukosa darah yang lebih tinggi berbanding bacaan sebenar bagi pesakit yang sedang menggunakan **EXTRANEAL** (icodextrin ) disebabkan gangguan maltosa. Bagi pesakit terbahit, bacaan glukosa darah yang diambil dengan alat pengukur ini mungkin menunjukkan julat normal sedangkan pesakit mengalami hipoglisemia (bacaan gula dalam darah rendah). Akibatnya, pesakit atau pakar kesihatan mungkin tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menormalkan kembali paras gula di dalam darah. Bacaan glukosa darah yang nampak tinggi akan menyebabkan pesakit mengambil lebih banyak insulin daripada yang sepatutnya. Keduadua situasi ini berpotensi menimbulkan masalah yang mengancam nyawa, termasuk tidak sedarkan diri, koma, gangguan neurologi dan juga kematian. Perkara-perkara tambahan yang perlu diberikan pertimbangan bagi pesakit yang sedang menggunakan **EXTRANEAL** (icodextrin ):

Baxter and EXTRANEAL are registered trademarks of Baxter International, Inc.

Vantive Sdn Bhd.

B-21-3, Level 21, The Ascent, Paradigm, No. 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

T: 603-7611 6990 [www.baxter.com.my](http://www.baxter.com.my)

1. Pemberhentian **EXTRANEAL** (icodextrin ) tidak akan berkesan serta-merta untuk membetulkan kemungkinan masalah gangguan pada bacaan alat pengukur glukosa. Tahap glukosa darah yang nampak tinggi mungkin berlaku sehingga dua minggu selepas penggunaan **EXTRANEAL** (icodextrin) dihentikan.
2. Bagi menentukan kaedah yang perlu digunakan untuk memantau paras glukosa, Sila semak label pada alat pengukur glukosa DAN JUGA jalur ujian. Jika terdapat kesangsian, sila hubungi pengeluar alat pengukur glukosa dan jalur ujian ini.
3. Jika hospital anda menyimpan rekod perubatan secara elektronik, maklumat yang menggambarkan kemungkinan berlakunya gangguan bacaan alat pengukur atau jalur ujian glukosa darah perlu dimasukkan ke dalam ruangan bersesuaian agar dapat diakses oleh semua pengguna.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk maklumat pemberian **EXTRANEAL** (icodextrin ) atau layari [www.glucosesafety.com](http://www.glucosesafety.com).

Saya berharap agar maklumat di atas dapat membantu anda. Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai **EXTRANEAL** (icodextrin), sila hubungi wakil Baxter Renal anda.



Chareonphaibul, Vatcharee  
Sr Mgr, Medical Affairs  
TJV GS MED

Tarikh Penyediaan: Jun 18<sup>th</sup>, 2024

MY-RC21-240004

Baxter and EXTRANEAL are registered trademarks of Baxter International, Inc.

Vantive Sdn Bhd.

B-21-3, Level 21, The Ascent, Paradigm, No. 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

T: 603-7611 6990 [www.baxter.com.my](http://www.baxter.com.my)